

KORPUS KE BILIK DARJAH: TATACARA PENGENDALIAN TEKNIK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TATABAHASA BERBANTU KOMPUTER

Hishamudin Isam
Mashetoh Abd. Mutalib

Faizah Ahmad
[din@uum.edu.my](mailto:faizah@uum.edu.my)

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK: Penguasaan tatabahasa yang baik dalam kemahiran berbahasa di peringkat sekolah akan membolehkan pelajar mengikuti pelajaran dengan lebih berkesan. Menyedari hakikat ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (1981) memberi penekanan yang berat dalam kurikulum sekolah (rendah dan menengah) supaya pada akhir persekolahan nanti, pelajar dapat menggunakan bahasa Melayu sejajar dengan peringkat perkembangan umur, dan memupuk daya pengembangan berbahasa bagi kepentingan pendidikan tinggi dan pekerjaan. Penggunaan teknik yang tepat, menarik dan terkini (bersifat kontemporari) sangat-sangat dituntut dalam proses pengajaran dan pembelajaran tatabahasa sesuatu bahasa kerana melalui teknik yang tepat inilah, pelajar-pelajar khususnya dapat memanfaatkan tempoh masa yang terhad untuk memahami aspek-aspek penting dalam tatabahasa. Justeru, kertas kerja ini bertujuan memperkenalkan tatacara pengendalian pengajaran dan pembelajaran tatabahasa berbantu komputer. Jika selama ini pengajaran dan pembelajaran tatabahasa, khususnya berkenaan sistem tatabahasa sangat terikat kepada penerangan hukum (betul atau salah) dan rumus (peraturan) dengan berbantuan buku tatabahasa dan kamus, melalui teknik ini, pelajar-pelajar akan didedahkan dengan perisian komputer berasaskan program daftar kata yang dapat membantu pelajar-pelajar memahami sistem tatabahasa dengan lebih komprehensif, efektif dan menyeronokkan. Kajian ini akan menumpu kepada penggunaan perisian program daftar kata yang boleh diperoleh secara percuma dalam enjin carian google iaitu perisian *antconc*. Perisian ini akan digunakan untuk menganalisis data bahasa berasaskan korpus yang juga diperoleh secara percuma dari Sistem Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka. Kajian ini diharap dapat membantu meningkatkan tahap penguasaan guru dalam mengaplikasikan pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Berbantuan Komputer (*Computer-Based Instruction*) dalam mata pelajaran bahasa Melayu, seterusnya memberi kesan yang positif kepada perkembangan pembelajaran pelajar.

Kata Kunci: tatabahasa, pengajaran dan pembelajaran, korpus, *antconc*

PENGENALAN

Sistem nahu atau tatabahasa sesuatu bahasa amat penting untuk dipelajari kerana sistem tersebut merupakan nadi dalam proses mendalami aspek kemahiran sesuatu bahasa. Pengetahuan tatabahasa yang kukuh dalam sesuatu bahasa, bukan sahaja akan membolehkan seseorang pengguna bahasa mengetahui betul atau salah ayat yang digunakan, tetapi dapat membantu pengguna bahasa mengujarkannya dengan wacana yang persis.

Penguasaan tatabahasa yang baik dalam kemahiran berbahasa di peringkat sekolah pula, akan membolehkan pelajar mengikuti pelajaran dengan lebih baik dan berkesan (Abdul Rashid, 2010). Menyedari hakikat ini,

Kementerian Pelajaran Malaysia (1981) memberi penekanan yang berat dalam kurikulum sekolah (rendah dan menengah) supaya pada akhir persekolahan nanti, pelajar-pelajar dapat menggunakan bahasa Melayu sejajar dengan peringkat perkembangan umur, dan memupuk daya pengembangan berbahasa bagi kepentingan pendidikan tinggi dan pekerjaan.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TATABAHASA

Proses pengajaran dan pembelajaran tatabahasa bukanlah suatu hal yang boleh dianggap mudah. Proses tersebut selalunya dianggap 'kering' dan membosankan (Awang Sariyan, 2009) kerana lazimnya proses pengajaran dan pembelajaran tatabahasa dijalankan secara gabung jalin melalui pendekatan induktif. Melalui pendekatan ini, pelajar diajukan dengan hafalan rumus-rumus tertentu, dan akhirnya diberikan latihan berdasarkan pemahaman terhadap sesuatu rumus tatabahasa yang dipelajari. Kesan daripada proses pengajaran dan pembelajaran yang seperti ini akan membuatkan sesi pengajaran dan pembelajaran tatabahasa menjadi tidak menarik dan membosankan. Apatah lagi sekiranya pelajar dikehendaki menghafal rumus-rumus yang abstrak sifatnya, yang hanya menggambarkan ciri-ciri universal sehingga menyebabkan pembelajaran tatabahasa (pengkajian linguistik) menjadi semakin sukar, menyulitkan dan tidak lagi diminati (Asmah, 2009).

Oleh itu, penggunaan teknik yang tepat, menarik dan terkini (bersifat kontemporari) sangat-sangat dituntut dalam proses pengajaran dan pembelajaran tatabahasa sesuatu bahasa kerana melalui teknik yang tepat inilah, pelajar-pelajar khususnya dapat memanfaatkan tempoh masa yang terhad untuk memahami aspek-aspek penting dalam tatabahasa. Untuk itu, Zaitul Azma (2010) menyarankan agar seseorang guru bahasa melakukan pengolahan teknik pengajaran, dengan menggunakan bahan bantu berteknologi yang dapat merangsang dan menggalakkan murid berinteraksi serta berfikir secara kritis dan kreatif dalam proses pembelajaran tatabahasa.

Satu daripada contoh bahan bantu berteknologi yang boleh digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran tatabahasa ialah penggunaan komputer dan perisiannya. Menurut Cirswell (1989), penggunaan pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Berbantuan Komputer (*Computer-Based Instruction*) boleh memudahkan penyampaian bahan dan menggalakkan pelibatan pelajar secara aktif. Hal ini diakui oleh Gagne, Briggs dan Wager (1992) serta Rosenberg (2000) dengan mengatakan, komputer memiliki keistimewaan sebagai bahan bantu berteknologi yang sangat-sangat diperlukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Persoalan yang timbul di sini ialah, apakah dan bagaimanakah teknik yang sesuai digunakan untuk diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran tatabahasa dengan menggunakan pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Berbantuan Komputer (*Computer-Based Instruction*).

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERBANTUKAN KOMPUTER

Hakikatnya, kajian-kajian berkenaan proses pengajaran dan pembelajaran tatabahasa menggunakan pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Berbantuan Komputer (*Computer-Based Instruction*) telah banyak dijalankan. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian tersebut lebih menumpu kepada analisis hubungan komputer dengan guru dan proses pengajaran dan pembelajaran. Contohnya kajian oleh Moersch (1995), Stallard (1998), Ertmer (1999), Hokanson dan Hooper (2004), Abdul Wahab, Kamaliah, dan Hasrina (2006), dan Yahya dan Roselan (2007).

Misalnya kajian Ertmer (1999) telah memfokus kepada hubungan komputer dengan guru dan proses pengajaran dan pembelajaran tatabahasa telah membincangkan penggunaan secara efektif keperluan teknologi perkomputeran dan hubungannya dengan cara guru menggunakan teknologi serta sebab mereka menggunakannya. Manakala Hokanson dan Hooper (2004) turut meneliti permasalahan yang hampir serupa dengan memberi penekanan kepada peranan utama pendekatan pedagogi yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Di Malaysia, kajian-kajian yang membincangkan isu yang

serupa juga kerap dijalankan. Kajian oleh Abdul Wahab, Kamaliah, dan Hasrina (2006) contohnya, menumpu kepada tahap penggunaan komputer oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Berdasarkan teori Resapan Inovasi, kajian yang dijalankan di tiga buah sekolah terpilih di Pulau Pinang ini mendapati bahawa, faktor tahap pengetahuan, sikap, personaliti, sokongan organisasi dan sifat-sifat inovasi komputer (seperti kaedah relatif, kesepadanan, kerumitan, kebolehcubaan dan keteramatan) mempengaruhi penggunaan komputer semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru.

Keperluan untuk menggemakan, menjana dan memperkaya kajian-kajian yang menumpu kepada aspek hubungan komputer dengan guru dan proses pengajaran dan pembelajaran adalah suatu usaha yang sangat baik. Melalui aliran kajian ini, pelbagai maklumat penting diperoleh, khususnya berkenaan tahap keupayaan dan penguasaan guru mengaplikasikan penggunaan komputer sebagai bahan bantu mengajar yang efektif semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah, serta kesannya kepada pelajar. Walau bagaimanapun, adalah menjadi suatu kelompangan sekiranya kajian yang membincangkan teknik yang boleh digunakan oleh guru untuk mengaplikasikan penggunaan komputer sebagai bahan bantu mengajar yang efektif, dikesampingkan, khususnya teknik mengajar berbantu komputer dalam mata pelajaran bahasa Melayu.

Kebanyakan kajian yang menyentuh tentang teknik mengajar berbantu komputer dijalankan untuk mata pelajaran teknikal seperti matematik, sains, kimia dan fizik. Contohnya kajian oleh Azlina dan Lok Yian Lin (2010) membincangkan keberkesanan teknik mengajar mata pelajaran matematik berbantuan perisian *Geometer's Sketchpad* (GSP) kepada 72 orang pelajar tingkatan dua dan tiga orang guru matematik. Dapatan kajian kuantitatif menunjukkan peningkatan pencapaian yang memberangsangkan dalam tajuk pembinaan geometri bagi pelajar selepas menggunakan perisian GSP. Analisis juga mendapati perisian GSP berkesan dalam membantu pelajar yang berprestasi rendah dan tinggi dalam tajuk pembinaan geometri. Selain itu, dapatan juga menunjukkan peningkatan keupayaan visualisasi pelajar selepas penggunaan perisian GSP. Sementara itu kajian oleh Norhidayu Mokhtar (2004) pula membincangkan aspek pembangunan modul perisian alat bantu mengajar berbantuan komputer untuk mata pelajaran biologi. Modul perisian yang menerapkan unsur kerohanian dan pengukuhan ini dilengkapi dengan teknik-teknik mengajar berpandukan unsur-unsur multimedia yang canggih dan efektif yang dapat merangsang minat pelajar untuk mengenali mata pelajaran biologi sebagai mata pelajaran yang menarik.

Dalam usaha menjejaki kajian-kajian lepas yang membincangkan penggunaan perisian komputer yang boleh digunakan untuk proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah, didapati bahawa kajian-kajian tersebut telah banyak dijalankan. Walau bagaimanapun kebanyakan kajian tersebut lebih menjurus kepada kepentingan dalam bidang bahasa dan linguistik secara khusus. Contohnya kajian oleh Louw (1993), Stubbs (1995), Sinclair (1996) dan Imran (2000), Norsimah (2003), Rusmadi (2003), Tendahl (2006) dan Yunisrina Qismullah Yusuf (2010).

Kajian oleh Louw (1993) misalnya menggunakan perisian *Concordance* untuk membincangkan kesan penggunaan leksis terhadap penggunaan leksis seterusnya dalam sebaris ayat. Berbantuan pendekatan prosodi semantik dan data korpus yang berjumlah melebihi 100 juta kata, Louw telah memperinci kesan penggunaan leksis dari aspek sintaksis dan wacana yang dapat menunjukkan ekspresi iaitu leksis *symptomatic of*. Setelah dianalisis, didapati penggunaan leksis tersebut akan disusuli oleh penggunaan leksis-leksis yang kurang menyenangkan (atau dalam istilah lain, leksis yang bernilai negatif) seperti leksis *parental paralysis, management inadequacies, dan numerous disorders*. Kajian oleh Norsimah (2003) pula telah membincangkan struktur dalaman dan peluasan makna kata adjektif ukur (*kecil, besar dan penuh*), kata adjektif indera dan gabungan indera (*manis, aman dan lunak*) dan kata adjektif tabii (*baik, ganas, dan malu*) dan dikaitkan dengan kepentingan dalam bidang terjemahan, menggunakan perisian *Wordsmith Tool 4*. Dengan menggunakan perisian yang sama, kajian oleh Rusmadi (2003) telah meneliti peluasan makna kata kerja unggulan dalam bahasa Melayu iaitu leksis *hidup* dan *datang* yang diselidik dari pangkalan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka berdasarkan keperluan dalam bidang leksikografi.

Daripada penelitian terhadap kajian-kajian lepas, didapati bahawa wujud kelompangan yang perlu diisi, khususnya kajian yang dapat membincangkan teknik pengajaran dan pembelajaran berasaskan bahan bantu mengajar berteknologi untuk mata pelajaran bahasa Melayu. Kajian bersifat interdisiplin (gabungan kajian linguistik yang dapat dimanfaatkan untuk bidang pendidikan) ini akan meneliti teknik terkini yang dapat digunakan untuk proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran bahasa Melayu (khususnya tatabahasa) dengan menggunakan perisian program daftar kata serta berbantu analisis data korpus, berdasarkan kaedah demonstrasi.

KAEDAH DEMONSTRASI

Kaedah demonstrasi yang juga dikenali sebagai kaedah tunjuk cara ialah kaedah yang biasanya digunakan untuk menunjukkan cara sesuatu proses hendak dijalankan. Menurut Iline (2013) teknik ini telah lama dikenal pasti sebagai teknik yang paling berkesan untuk membina kemahiran psikomotor, khususnya kepada kanak-kanak. Menerusi teknik ini, guru-guru akan dapat mencontohi tunjuk cara yang dilakukan oleh kumpulan penyelidik sewaktu kaedah pengajaran dan pembelajaran tatabahasa berasaskan penggunaan perisian program daftar kata berbantu data korpus dijalankan, dan seterusnya guru-guru pula boleh membimbing pelajar-pelajar dengan menggunakan kaedah yang sama.

Terdapat beberapa prinsip yang perlu diikuti oleh guru semasa proses demonstrasi dijalankan (Adekoya, & Olatoye 2011; Hackathorna, Solomon, Blankmeyer, Tennial, & Garczynski 2011; Abdulhamid Auwal, 2013). Tiga perkara asas yang mesti diperhalusi oleh guru sebelum sesuatu kaedah demonstrasi dijalankan ialah:

Sebelum kaedah demonstrasi dijalankan

- memastikan peralatan (komputer) dan tempat demonstrasi (makmal) berada dalam keadaan yang baik dan sesuai dengan kondisi pengajaran dan pembelajaran
- menentukan dan menerangkan topik, objektif dan kandungan tunjuk cara yang akan dijalankan terlebih dahulu kepada pelajar

Semasa kaedah demonstrasi dijalankan


- memandang ke arah pelajar ketika memberi penerangan tentang aktiviti demonstrasi yang dijalankan
- menerangkan langkah itu sekali lagi sekiranya terdapat pelajar yang menunjukkan keraguan
- menggunakan teknik menyoal untuk menarik perhatian pelajar
- memastikan pelajar dapat melihat dan mendengar dengan jelas demonstrasi serta penerangan yang dijalankan
- meminta seorang pelajar membuat demonstrasi sekali lagi untuk memperkukuhkan pemahaman tentang cara-cara melaksanakan sesuatu aktiviti

Selepas kaedah demonstrasi dijalankan

- mengadakan perbincangan dengan pelajar berkenaan bahagian-bahagian demonstrasi yang terpenting seperti langkah memasukkan data dalam perisian, dan menganalisis data (mengenal pasti, mengklasifikasi dan menghurai data)
- mengadakan aktiviti pengukuhan
- menilai potensi setiap pelajar
- memilih beberapa orang pelajar yang telah menguasai aktiviti yang dijalankan, untuk menjadi pembimbing (fasilitator) yang akan membantu pelajar-pelajar lain yang masih dan sedang menguasai aktiviti yang dijalankan

CADANGAN PEMILIHAN PERISIAN PROGRAM DAFTAR KATA DAN PANGKALAN DATA KORPUS

Sebagai permulaan, kertas kerja ini mencadangkan penggunaan perisian program daftar kata *antconc* (halaman depan program ini seperti dalam Rajah 1). Perisian program *antconc* atau nama penuhnya Anthony Concordance (mengambil sempena nama pengusahanya, Anthony Laurence) ialah program perisian daftar kata yang boleh diperolehi secara percuma dalam talian *google*. Perisian ini telah banyak membantu kajian-kajian linguistik berasaskan korpus (Laurence Anthony's Website, 2000).




Rajah 1 Halaman Depan Perisian Program *AntConc*

Antara item bilangan statistik yang mesti diketahui untuk menggambarkan fenomena kebahasaan (Wetzel, 2009) sebagaimana yang boleh diteliti dalam perisian ini ialah seperti:

- *type* - bilangan unit leksikal yang akan dikaji (bermakna satu jenis leksis bersamaan dengan satu *type*)
- *frequency* - juga disebut sebagai bilangan kekerapan - jumlah keseluruhan bilangan satu jenis leksis (*type*) yang terdapat dalam korpus yang dikaji.
- *tokens* - juga disebut sebagai bilangan keberlakuan - bilangan unit leksikal (secara keseluruhan) yang terdapat dalam sesuatu korpus yang dikaji.

Sementara itu, satu daripada contoh pangkalan data yang sesuai digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran tatabahasa ialah pangkalan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka yang boleh dilayari secara terus melalui laman web www.dbp.gov.my. Melalui pangkalan data ini, pelbagai data subkorpus boleh diperolehi seperti data daripada buku, akhbar, majalah, efemeral, teks sastera, kertas kerja dan perbahanan (contoh paparan muka hadapan seperti dalam Rajah 2 di bawah).



Rajah 2 Muka Hadapan Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka

Setiap data yang dipilih, boleh digunakan oleh para guru dan pelajar untuk tujuan memahami sesuatu topik tatabahasa dengan lebih mendalam lagi. Hal ini kerana setiap satu data tersebut dapat membekalkan percontohan dan perbilangan yang banyak, percontohan yang mengikut rumus tatabahasa, dan percontohan yang melawan arus rumus tatabahasa. Kesemua percontohan ini akan diteliti oleh pelajar-pelajar sendiri, dengan guru sebagai pembimbing yang membantu menunjuk jalan bagaimana sesuatu prosedur analisis dapat dijalankan.

PROSES CARIAN BAHAN (DATA BAHASA) DAN PROSEDUR PENGGUNAAN PROGRAM DAFTAR KATA

Untuk memperoleh data seperti yang diharapkan, dan sesuai dengan topik yang akan dibincangkan, serta tatacara bagaimana data tersebut boleh dianalisis dengan menggunakan program daftar kata *antconc* sebagai satu teknik alternatif yang dapat membantu menarik minat pelajar mempelajari tatabahasa, maka disertakan langkah-langkah berikut, sebagai satu daripada kaedah demonstrasi yang perlu ditunjukkan kepada mereka.

Langkah 1

Dengan bantuan guru, pelajar diminta untuk memuat turun data daripada Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012) di bawah subkorpus buku teks. Rajah 3 di bawah ialah contoh laman pangkalan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka yang digunakan untuk memuat turun data pilihan (kata sendi nama *daripada*) dari sumber subkorpus data buku. Rajah 4 pula ialah contoh laman yang memaparkan data pilihan (kata sendi nama *daripada*) yang telah siap dimuat turun dalam bentuk baris konkordan.

← → ↻ sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/Researchers/Search2.aspx

Korpus DBP - Penyelidik

Dewan Bahasa dan Pustaka

Carian Konkordans Carian Konkordans (Lama) Analisis Kata Statistik Bahan Senarai Bahan Panduan Log Keluar

Carian Konkordans

Kata: Cari

Sumber Bahan Tarikh/Tahun Terbit Bahan Kriteria Penulis

Jenis Bahan

- Akhbar (115,530)
- Buku (496)
- Majalah (444)
- Efemeral (36)
- Teks Sastera (524)
- Kertas Kerja (97)
- ... Perbahanan

Tajuk:

Bidang: -- Semua Bidang --

Konteks: Hadkan lingkungan konteks: 8 kata ke kiri dan ke kanan.

Bilangan Output: 100 kata 0.1 % Semua

Rajah 3 Laman Memuat Turun Data Pilihan

← → ↻ sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/Researchers/Search2.aspx

Korpus DBP - Penyelidik

Dewan Bahasa dan Pustaka

Carian Konkordans Carian Konkordans (Lama) Analisis Kata Statistik Bahan Senarai Bahan Panduan Log Keluar

Carian Konkordans

Senarai Konkordans Kolokasi

Kembali Muat Turun Keputusan Cari Semula

Isih: Tiada Isihan Isih Senarai

No.	No. Rekod	Konteks Kiri	Kata	Konteks Kanan	Maklumat Artikel/Bahan
1	97064#74	Sa-bagaimana yang telah di-nyatakan, darah terdiri	daripada	satu bahagian kumin pepejal, sel darah, ia-itu sel ...	DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA. <i>SAIWS AM MALAYSIA TINGKATAN LIMA</i> . Pendidikan,
2	97203#135	... yang terdapat didalam pilem asing itu lebih buruk	daripada	Bahasa Melayu didalam pilem Melayu sendiri.	MEMORANDA (ASAS 50). Sastera, 1962
3	97031#146	... bumbung yang tertutup sehingga bahagian dalamnya terlindung terus	daripada	cahaya mata hari.	MOHD ASRAF ABDUL WAHAB DLL. <i>BAHASA MALAYSIA TINGKATAN 3</i> . Pendidikan
4	98026#63	... memastikan semua cara yang diperlukan untuk mempertahankan din	daripada	serangan musuh ada di situ.	KERAJAAN NEGERI SARAWAK. <i>ADAT RESAM PENDUDUK SARAWAK</i> . 1988
5	97201#2	Salah satu	daripada	cerita yang dituturkan oleh Tamin al-Dari itu telah ...	ISMAIL, HAMID. <i>KESUSASTERAAN MELAYU LAMA DARI WARISAN</i> . Sastera, 1983
6	97376#155	Sebarang inferens tentang faktor etiologi yang diperoleh	daripada	keadaan sedemikian adalah lebih kukuh berbanding dengan suatu ...	SALEHA ABDUL AZIZ. <i>EPIDEMIOLOGI VETERINAR</i> . 1992
7	96956#17	... banyak huraian tentang sifat 'ilmu dalam Islam, lebih	daripada	yang terdapat dalam sebarang agama, kebudayaan, dan peradaban, ...	SYED MUHAMMAD AL-NAQIB AL-ATTAS. <i>TUJUAN DAN OBJEKTIF PENDIDIKAN ISLA</i>
8	97092#410	... persendirian atau suatu alat yang berdasarkan konsep meminjam	daripada	orang ramai dalam suatu jangka masa yang ditetapkan ...	MOHD. SALLEH MAJID. <i>SAHAM</i> . Ekonomi, 1993
9	97256#139	Ubat ini tidak boleh dibeli tanpa pengesahan	daripada	pengamal perubatan.	DZULKIFLI ABDUL RAZAK. <i>GANGGUAN TIDUR</i> . Kesihatan, 1995
10	97232#228	... Inggiris tiada berwang; tetapi apabila hendak mengambil Singapura	daripada	mereka, dan hendak menghalaukan mereka keluar dari Singapura ...	HAJI BUYONG ADIL. <i>SEJARAH JOHOR</i> . Sejarah, 1971

K 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 Saiz mukasurat: 10 Mukasurat 1 dari 10, baris 1 p

Rajah 4 Laman Paparan Data Pilihan dalam Bentuk Baris Konkordans

Pelajar-pelajar boleh merekod bilangan (statistik) sesuatu lexis / kata yang akan dijadikan data kajian (contohnya kata sendi nama *daripada*), daripada tiga item iaitu item *type* (jenis kata), *frequency* (bilangan kekerapan), dan *tokens* (bilangan keberlakuan) hasil selisikan daripada data korpus yang berpangkalan di Dewan Bahasa dan Pustaka tersebut. Rekod ini penting untuk memastikan bahawa bilangan kata yang akan dikaji, dapat digunakan untuk meneliti perilaku morfologi dan sintaksis (pola penggunaan kata tersebut) bagi membekalkan percontohan dan perbilangan yang banyak, percontohan yang mengikut rumus tatabahasa,

dan percontohan yang melawan arus rumus tatabahasa. Rekod bilangan (statistik) tersebut boleh dibina berdasarkan contoh Jadual 1 berikut:

Jadual 1 Contoh Jadual untuk Rekod *type* (Jenis Kata), *frequency* (Bilangan Kekejapan) dan *tokens* (Bilangan Keberlakuan)

Kata (<i>types</i>)	Bilangan Kekejapan (<i>frequency</i>)	Bilangan Keberlakuan (<i>tokens</i>)
Kata X		
Kata Y		
Kata Z		
Jumlah		

Langkah 2

Dengan bantuan guru juga, pelajar-pelajar diminta untuk memuat turun perisian *antconc* (seeloknya perisian ini telah siap dimuat turun sebelum sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung, dan disimpan (*save*) di skrin paparan hadapan (*desktop*) sesebuah komputer yang akan digunakan. Usai tugas tersebut, guru-guru akan menjelaskan perincian ikon yang terdapat dalam perisian (seperti *concordance*, *collocates* dan *word list*). Secara ringkasnya, *concordance* ialah baris setiap data (ayat) yang telah dimuat turun dalam program, *collocates* ialah kolokasi atau kata-kata yang berdekatan sama ada di sebelah kiri atau kanan kata yang akan dianalisis, manakala *word list* pula ialah senarai semua kata yang terdapat dalam data yang dimuat turun.

Langkah 3

Masukkan (*input*) data (kata sendi nama *daripadayang* telah dimuat turun dari pangkalan data DBP) ke dalam program *antconc* (seperti yang dipaparkan dalam Rajah 5) untuk dianalisis pola penggunaan kata tersebut mengikut ketiga-tiga item iaitu *concordance*, *collocates* dan *word list*, agar dapat dikenal pasti maklumat-maklumat penting yang boleh dicungkil untuk mendapatkan gambaran sebenar perilaku morfologi, dan sintaksis bagi penggunaan kata yang akan dianalisis. Untuk memperlihatkan penggunaan kata tersebut dalam keseluruhan ayat, boleh dipindahkan paparan skrin kepada ikon *file view* (seperti yang dipaparkan dalam Rajah 6). Tujuan penelitian analisis berpandukan baris konkordans dan keseluruhan ayat dalam paparan *file view* ialah untuk memastikan pola penggunaan kata tersebut dapat diteliti daripada sudut yang pelbagai.

The screenshot shows the AntConc 3.2.4w (Windows) 2011 interface. The main window displays a concordance table for the search term 'daripada'. The table has columns for 'HR' (Hit Row), 'KWIC' (Key Word In Context), and 'File'. The 'KWIC' column contains the text from the document 'Data buku.txt' with the word 'daripada' highlighted in yellow. The 'File' column shows the path 'Data buku.txt' for each hit. The search term 'daripada' is entered in the 'Search Term' field, and the 'Concordance Hits' are 4282. The 'Search Window Size' is set to 50. The 'Files Processed' section shows 1 file processed.

HR	KWIC	File
1	yang membezakan di antara organisasi perniagaan daripada organisasi bukan perniagaan. Semua organisasi per	Data buku.txt
2	niagaan yang mengarahkan keluaran dan perkhidmatan daripada pengeluar kepada pengguna. Definisi McCarthy jug	Data buku.txt
3	yang mengarahkan aliran keluaran dan perkhidmatan daripada pengeluar kepada pengguna dalam usaha memenuhi ke	Data buku.txt
4	bawak skop pemasaran amat luas, malah lebih luas daripada yang dijanjikan. 52 McCarthy telah mengemukakan	Data buku.txt
5	Malangnya model 4P ini mendapat beberapa kritikan daripada beberapa orang yang mahir dalam bidang pemasaran	Data buku.txt
6	mosi. Walaupun konsep menjual ini berbeza sedikit daripada konsep keluaran yang mula-mula tadi, namun begitu	Data buku.txt
7	onsep keluaran dan konsep menjual merupakan usaha daripada pihak pengeluar, maka kedua-dua konsep ini digol	Data buku.txt
8	penyelidikan yang rapi. Penyelidikan itu bermula daripada pengguna. Daripada maklumat yang didapati melalui	Data buku.txt
9	rapi. Penyelidikan itu bermula daripada pengguna. Daripada maklumat yang didapati melalui penyelidikan maka	Data buku.txt
10	ah siap. Sebanyak 90% jualan syarikat ini terdiri daripada pintu tolak dan selebihnya merupakan jualan tingk	Data buku.txt
11	ini dijanjikan akan melambung. Mungkin lebih tinggi daripada yang dijanjikan. Pasaran tingkat masih terlalu	Data buku.txt
12	kalangan pengeluar pintu harga murah ini terdiri daripada 80 buah syarikat kecil yang membekalkan pintu ini	Data buku.txt
13	ran pula, pasaran untuk pintu jenis murah terdiri daripada cuma 5% syarikat pemborong yang besar-besar yang	Data buku.txt
14	baru telah mendapat tentangan yang di luar dugaan daripada syarikat-syarikat saingan. Pengeluar kecil-kecil	Data buku.txt
15	lkan perniagaannya kepada sebuah syarikat lain. Daripada pengalaman syarikat ini dapat diperhatikan bahawa	Data buku.txt
16	sikan bahawa syarikat ini tidak mengambil faedah daripada kekuatan yang ada padanya. Syarikat ini terkenal	Data buku.txt
17	kat ini. Sepatutnya syarikat ini mengambil faedah daripada kekuatan yang telah sedia ada padanya dan mengatu	Data buku.txt
18	rikat itu mempunyai kelebihan untuk menguasainya. Daripada gambaran tadi, dapat diperhatikan bahawa syarikat	Data buku.txt
19	ng perniagaan. Tiap-tiap perniagaan boleh dilihat daripada empat dimensi. Dimensi pertama ialah jenis keluar	Data buku.txt
20	alaysia (MBS), memerlukan strategi yang berlainan daripada syarikat yang mengeluarkan susu tepung. Dimensi	Data buku.txt
21	ayah Persekutuan memerlukan strategi yang berbeza daripada sebuah syarikat lain yang memasarkan keluarannya	Data buku.txt
22	bentuk operasi. Bentuk operasi ini boleh berbeza daripada operasi yang paling mudah iaitu memasarkan keluar	Data buku.txt
23	eh jadi pengguna terakhir atau boleh jadi terdiri daripada kelompok pengguna yang khusus. Berlainannya pengg	Data buku.txt
24	pasaran, bagaimana keluaran itu akan disalurkan, daripada siapa hendak mendapatkan bekalan, bagaimana henda	Data buku.txt
25	i disebut persaingan umum sebab saingan datangnya daripada kategori keluaran yang lain. Contohnya, pena mata	Data buku.txt
26	empat faktor. Pertama, pendapatan yang didapati daripada kegiatan ekonominya sehari-hari. Kedua, tabungan	Data buku.txt
27	ungan mengguna sut di kalangan pengguna. Selain daripada tingkat pendapatan dan kecenderungan mengguna sut	Data buku.txt
28	n kadar kenaikan harga barang-barang lebih tinggi daripada kadar kenaikan pendapatan menyebabkan pengguna me	Data buku.txt
29	likat perniagaan. Kedua, untuk melindungi pengguna daripada dieksploitasi. Ketiga, dengan tujuan melindungi m	Data buku.txt
30	ndungi masyarakat dan persekitaran keseluruhannya daripada tingkah laku ahli-ahli perniagaan yang tidak bert	Data buku.txt
31	gan pengeluar. Di samping itu melindungi pengguna daripada terkeliru dalam proses pembelian. Begitu juga und	Data buku.txt
32	h pasukan bola sepak, strateginya mungkin bermula daripada pemilihan pemain dan program latihan yang akan di	Data buku.txt
33	-unsur yang perlu diambil kira adalah lebih luas daripada hanya campuran pemasaran yang lebih terkenal deng	Data buku.txt

Rajah 5 Paparan Maklumat Kata Sendi Nama *daripada* Berdasarkan Baris Konkordans

The screenshot shows the AntConc 3.2.4w (Windows) 2011 interface with the 'File View' selected. The main window displays the text of the document 'Data buku.txt'. The text includes the title 'BUKU 1998 73375 wds. PENGURUSAN PEMASARAN. 1/++' and the author 'Oleh: ZAINAL ABIDIN MOHD. SAID. Penerbit : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA. BAB 1. PENGENALAN KEPADA KONSEP DAN STRATEGI PEMASARAN. Memang tidak dapat dinafikan bahawa pemasaran amat penting dalam sebarang usaha perniagaan. Deter Drucker, seorang ahli dalam bidang pengurusan perniagaan mengatakan bahawa semua syarikat perniagaan mempunyai dua fungsi utama; pertama pemasaran dan kedua rekaan baru. Ini membuktikan betapa pentingnya peranan pemasaran dalam apa jua bentuk perniagaan. Pemasaran mempunyai suatu fungsi yang paling unik. Pemasaran merupakan faktor yang membezakan di antara organisasi perniagaan **daripada** organisasi bukan perniagaan. Semua organisasi perniagaan menjalankan kegiatan pemasaran. Dengan perkataan lain, sesebuah organisasi yang mencapai matlamatnya melalui pemasaran adalah organisasi perniagaan. Namun begitu tidak dinafikan hakikat bahawa organisasi bukan perniagaan seperti Zoo Negara dan Muzium Negara ada juga menjalankan kegiatan yang berorientasikan pemasaran. DEFINISI DAN SKOP PEMASARAN. Sebelum seseorang dapat mengatur satu strategi pemasaran yang baik, ia harus benar-benar faham

The search term 'daripada' is entered in the 'Search Term' field, and the 'Concordance Hits' are 4282. The 'Search Window Size' is set to 50. The 'Files Processed' section shows 1 file processed.

Rajah 6 Paparan Maklumat Kata Sendi Nama *daripada* Berdasarkan File View

Langkah 4

Guru boleh meminta pelajar mengesan sesuatu yang menarik (ciri-ciri dinamik) yang boleh dijelaskan berdasarkan perilaku morfologi dan sintaksis terhadap penggunaan kata sendi nama *daripada* yang dianalisis. Empat (4) contoh maklumat kebahasaan yang menarik untuk dianalisis ialah seperti berikut:

1. percontohan yang mengikut rumus tatabahasa
2. percontohan yang melawan arus rumus tatabahasa
3. penjelasan berkenaan percontohan yang melawan arus rumus tatabahasa
4. penemuan terbaru (rumus baharu yang mungkin boleh dicadangkan)

Tatacara yang diperkenalkan dalam kertas kerja ini ialah tatacara yang dapat menjelaskanteknik pengajaran dan pembelajaran tatabahasa yang bersifat kontemporari iaitu teknik pengajaran dan pembelajaran tatabahasa berbantu perisian program daftar kata dan analisis data korpus yang dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran tatabahasa di peringkat sekolah, khususnya peringkat menengah atas.

KESIMPULAN

Sebagai rumusan, kertas kerja ini telah menawarkan satu teknik baharu yang bersifat kontemporari dalam proses pengajaran dan pembelajaran tatabahasa di peringkat sekolah. Yang dimaksudkan sebagai teknik bersifat kontemporari ialah teknik ini menggunakan pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Berbantuan Komputer (*Computer-Based Instruction*) berasaskan penggunaan perisian program daftar kata berbantu data korpus yang sebelum ini hanya digunakan dalam disiplin linguistik sahaja. Teknik ini diyakini mampu menjadi daya penarik kepada minat dan rangsangan pelajar untuk mendalami ilmu tatabahasa, dan menjadi titik tolak kepada para guru, khususnya guru Bahasa Melayu untuk meningkatkan tahap profesionalisme keguruan mereka dalam dunia pendidikan.

RUJUKAN

- Abdulhamid Auwal. (2013). Effects of teaching method on retention of Agricultural Science knowledge in senior secondary schools of Bauchi Local Government Area, Nigeria. *International Journal of Science and Technology Educational Research*, Vol. 4 (4), 63-69.
- Adekoya, Y. M., & Olatoye, R. A. (2011). Effect of demonstration, peer-tutoring, and lecture teaching strategies on senior secondary school students' achievement in an aspect of agricultural science. *The Pacific Journal of Science and Technology*, vol. 12 (1), 320 – 332.
- Abdul Rashid Daing Melebek. (2010). Penguasaan tatabahasa guru mata pelajaran bahasa Melayu tingkatan enam. *Jurnal Linguistik*, 11, 1-17.
- Abdul Wahab Ismail Ghani, Kamaliah Hj. Siarap, & Hasrina Mustafa. (2006). Penggunaan komputer dalam pengajaran-pembelajaran dalam kalangan guru sekolah menengah: Satu kajian kes di Pulau Pinang. *Kajian Malaysia*, Vol. XXIV, No. 1-2, 203-225.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Ucapan Profesor Emeritus Datuk Dr Asmah Haji Omar dalam Majlis Segunung Budi*. Majlis Pencarian Buku Segunung Budi Selautan Kenangan. Anjuran Akademi Pengajian Melayu, 29 Oktober 2009, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Awang Sariyan. (2009). *Bagaimanakah tatabahasa dapat diajar dengan berkesan?* Kertas kerja yang dibentangkan dalam Bengkel Pengajaran Tatabahasa, Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris. 19 Ogos 2009.
- Azlina Mohd. Kosnin, & Lok Yian Lin. (2010). Keberkesanan perisian *Geometer's Sketchpad* untuk tajum pembinaan geometri dalam pengajaran dan pembelajaran matematik. Dari http://eprints.utm.my/10239/2/Lok_Yian_Lin.pdf. Retrieved February 14, 2012.
- Criswell, J. R. (1989). Rethinking microcomputer instruction as part of teacher education reform. *Educational technology*, 23 (11), 40-43.

- Ertmer, P. A. (1999). Addressing first and second order barriers to change: Strategies for technology integration. *Educational Technology Research and Development*, 47 (4), 47-61.
- Gagne, R. M., Briggs, L. J., & Wager, W. W. (1992). *Principles of instructional design* (4th ed.). Fort Worth TX.: Harcourt Brace Jovanovich.
- Hackathorn, J., Solomon, E. D., Blankmeyer, K. L., Tennial, R. E., & Garczynski, A. M. (2011). Learning by doing: An empirical study of active teaching techniques. *The Journal of Effective Teaching*, Vol. 11 (2), 2011, 40-54.
- Hokanson, B., & Hooper, S. (2004). *Integrating technology in classrooms: We have met the enemy and he is us*. Paper presented at the annual convention of the Association for Educational Communications and Technology, Chicago, IL, October 19-23 2004.
- Iline, C. S. (2013). Impacts of the demonstration method in the teaching and learning of hearing impaired children. *Journal Of Humanities And Social Science (IOSR-JHSS)*, Vol. 12, (1), 48-54.
- Imran Ho Abdullah. (2000). Peluasan semantik kata sifat rasa: Manis, masam, pahit, masin dan tawar. *Jurnal Dewan Bahasa*, 44 (5), 563-572.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1981). *Daftar Ejaan Rumi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: KPM dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laurence Anthony's Website. (2000). A freeware concordance program for Windows, Macintosh OS X, and Linux. From <http://www.antlab.sci.waseda.ac.jp/software.html>. Retrieved February 13, 2012.
- Louw, B. (1993). Irony in the text or insincerity in the writer? The diagnostic potential of semantic prosodies. Dlm. M. Baker, G. Francis & E. Tognini Bonelli (Eds.), *Text and technology: in honour of John Sinclair*, hlm. 157-175. Amsterdam: John Benjamins Publishing Co.
- Moersch, C. (1995). Levels of technology implementation (LOTI): A framework for measuring classroom technology use. *Journal of Learning and Leading with Technology*, 23 (3), 40-42.
- Norhidayu Mokhtar. (2004). Membangunkan modul perisian alat bantu mengajar (ABM) berasaskan komputer bagi tajuk pergerakan bahan merentasi membran plasma, Biologi tingkatan empat. Tesis Ijazah Sarjana Muda Biologi (dengan Pendidikan), Universiti Teknologi Malaysia.
- Norsimah Mat Awal. (2003). *Analisis struktur dalaman dan peluasan makna kata adjektif dari perspektif semantik kognitif: Terjemahan karya Shahnnon Ahmad*. Tesis Doktor Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka. (2012). Analisis kata bahasa Melayu. From <http://prpm.dbp.gov.my/>. Retrieved February 13, 2012
- Rosenberg, M. J. (2000). *E-Learning: Strategies for delivering knowledge in the digital age*. New York: McGraw Hill.
- Rusmadi Baharudin. (2003). *Pengendalian polisemi kata kerja unggulan di dalam kamus bahasa Melayu: Satu pendekatan Linguistik Kognitif*. Tesis Sarjana. Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sinclair, J. (1996). The search for units of meaning. *Textus* (9), 75 – 106.
- Stallard, C. (1998). Factors that influence the integration of technology into the secondary curriculum. From <http://ed.info.apple.com/education/techlearn/adapt/adaptfactors.html>. Retrieved February 14, 2012
- Stubbs, M. (1995). Corpus evidence for norms of lexical collocation. Dlm G. Cook & B. Seidlhofer (Eds.), *Principle & practice in applied linguistics*, hlm. 245-256. Oxford: Oxford University Press.
- Tendahl, M. (2006). *A hybrid theory of metaphor: relevance theory and cognitive linguistics*. PhD Dissertation. University of Dortmund, Germany.
- Yahya Othman, & Roselan Baki. (2007). Aplikasi komputer dalam pengajaran bahasa: Penguasaan guru dan kekangan dalam pelaksanaan. 1st International Malaysian Educational Technology Convention. Anjuran Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia, November 2-5, 2007, Johor Bahru, Johor.
- Yunisrina Qismullah Yusuf. (2010). A corpus-based linguistics analysis on spoken corpus: Semantic prosodies on 'robot'. *Journal of Language and Linguistic Studies*, 6 (1), 49 – 64
- Wetzel, L. (2009). *Types and tokens: On abstract objects*. Cambridge: The MIT Press.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2010). Pemantapan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah menengah. *Jurnal Linguistik*, 10, 62-82.

